

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Enam

Maju Bersama dengan Tuan daripada Kehidupan Gereja Tabernakal kepada Kehidupan Gereja Bait untuk Membina Tubuh Kristus sebagai Bait bagi Tuhan yang Hidup

Bacaan Bible: Mat. 12:3-4, 42; Yoh. 14:21, 23; Roma 8:28-29;
Mzm. 27:4; 36:8-9; 43:4; 84:4-5

- I. Tuan dalam kita berinspirasi untuk maju daripada kehidupan gereja tabernakal di gurun tandus sukma kepada kehidupan gereja bait dengan Kristus, yakni Roh almuhit, sebagai realiti tanah permai dalam roh kita—Ibr. 6:1a; Yos. 3:14-17; Ul. 8:8; Ef. 2:21-22; Kol. 1:12; 2:6-7.**
- II. Tabernakal dan bait mentamsilkan dua aspek gereja:**
 - A. Satu Raja-raja 8:1-11 menunjukkan bahawa tabernakal telah digabungkan dengan bait; tabernakal ialah pendahulu yang mudah alih yang bergerak menerusi gurun tandus, manakala bait ialah konsumsi pembinaan Tuhan dari segi tipologi.
 - B. Bait sebagai pembesaran tabernakal menandakan penguatan dan penstabilan gereja; pembaruan dan pembesaran perabot dalam bait menandakan pembaruan dan pembesaran pengalaman pekudus terhadap Kristus; ukuran bait dan Tempat Maha Kudus dalam bait adalah dua kali lebih besar daripada tabernakal; tambahan pula, melainkan Tabut, saiz serta bilangan perabot dan alat perkakas turut diperbesar dengan banyaknya untuk pembesaran ekspresi-Nya—6:2, 20; 2 Taw. 4:1-8; bd. Kel. 26:3, 16, 18, 22-24, 33.
 - C. Tabernakal mentamsilkan gereja Tuhan di bumi, atau gereja-Nya di lokaliti-lokaliti, manakala bait menandakan gereja sebagai realiti Tubuh Kristus; gereja-gereja lokal ialah prosedur mestika yang membawa kita ke dalam realiti Tubuh, yakni matlamat mulia ekonomi Tuhan—Ef. 1:22-23; bd. Wahi 21:10-11.
 - D. Ministri unik adalah untuk kesaksian Tuhan yang unik, dan kesaksian Tuhan yang unik, yakni realiti Tubuh Kristus, direalisasikan dalam gereja-gereja lokal—Kel. 25:22; 38:21; Wahi 1:2, 9; bd. Ef. 4:4; Yoh. 16:13.
 - E. Tubuh yang digambarkan dalam 1 Korintus 12 ialah kesaksian yang harus ada pada gereja lokal; kesaksian ini ialah kesaksian Tubuh; gereja lokal hari ini harus menjadi kesaksian yang mengekspresikan realiti Tubuh Kristus—ay. 14-18, 20.
 - F. Gereja wujud untuk kesaksian tentang kesatuan; apabila kita berbicara tentang “gereja lokal”, yang ditekankan ialah gereja dan bukannya “sifat lokal”; hayat yang dimiliki gereja-gereja ialah hayat kesatuan—Yoh. 17:11, 21, 23; Wahi 1:10-12.
 - G. Kesaksian bagi realiti Tubuh Kristus ialah pemulihan Tuhan yang terakhir, yakni pemulihan ekonomi abadi Tuhan, dengan mempunyai Kristus sebagai segala-gala kepada kita, dengan mempunyai kesatuan Tubuh Kristus, dan dengan mempunyai semua anggota Tubuh-Nya berfungsi—1 Tim. 1:3-6; 6:3-5; Ibr. 13:9; Ef. 1:17; 3:2, 8-11, 16-21; 4:1-6, 16.
- III. Injil Yohanes ialah injil berkenaan Kristus sebagai hayat untuk membina gereja sebagai bait bagi Tuhan yang hidup; kerja pembinaan ini dilaksanakan menerusi kita mengalami dan menikmati Kristus yang tersalib dan bangkit sebagai pohon hayat—Wahi 2:4-7; 1 Ptr. 2:24; Yoh. 11:25; 6:57, 63; 2 Kor. 6:16:**
 - A. Prinsip hayat ialah menukar maut menjadi hayat (Yoh. 2:1-11), dan tujuan hayat ialah membina gereja sebagai rumah Tuhan, bait Tuhan (ay. 12-22); oleh itu, Tuan mengisytiharkan, “Binasakan bait ini, dan dalam tiga hari Aku akan mendirikanNya” (ay. 19).

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Enam (sambungan)

- B. Menerusi kematian-Nya, iaitu pembinasaan tubuh jasmani-Nya di atas salib, Dia memikul pelanggaran dan kesalahan kita untuk menebus dan menjustifikasikan kita, dan kematian-Nya adalah untuk menyembuhkan penyakit kita—Yes. 53:4-6; Roma 3:23-26; 1 Ptr. 2:24.
- C. Pembinasaan tubuh jasmani Tuan juga merupakan pembinasaan iblis yang mempunyai kuasa maut; ketika Dia mati di atas salib, ciptaan lama, manusia lama, tubuh daging, Syaitan, sifat dosa, perbuatan dosa, dan dunia, semuanya telah disalibkan; oleh itu, di mata Tuhan, selepas Kristus disalibkan, seluruh alam semesta telah dibersihkan—Ibr. 2:14; Roma 6:6; Gal. 2:20; 5:24; Yoh. 1:29; 3:14; 6:70-71; 12:31; Mat. 16:23; 1 Kor. 15:3.
- D. Pembinasaan tubuh jasmani Tuan dan Dia dibangkitkan pada hari ketiga juga ialah kematian-Nya sebagai biji gandum serta kebangkitan untuk membebaskan dan mendispenkan hayat divin Tuhan sebagai api divin Tuhan ke dalam banyak percayawan-Nya untuk menjadikan banyak percayawan-Nya reproduksi Tuhan—Yoh. 12:24; Luk. 12:49-51.
- E. Menerusi kematian dan kebangkitan Kristus, tubuh jasmani-Nya telah berkembang menjadi Tubuh-Nya yang korporat dan mistikal, iaitu bait Tuhan yang universal, yakni gereja sebagai rumah Tuhan yang hidup—1 Kor. 3:16-17; 1 Tim. 3:15; 1 Ptr. 2:5; Ef. 2:21-22.
- F. Banyak tempat tinggal ialah anggota-anggota Tubuh Kristus; Tubuh ini ialah bait Tuhan—Yoh. 14:2, 23; Roma 12:5; 1 Kor. 3:16-17.
- G. Sebagai banyak biji yang dihasilkan melalui kematian Kristus yang membebaskan hayat dan sebagai banyak tempat tinggal bagi Tubuh mistikal Kristus yang dihasilkan melalui kebangkitan Kristus yang mendispenkan hayat, kita harus menjadi orang yang mengasihi-Nya ke tahap yang mutlak semasa kita menjalani kehidupan tersalib demi manifestasi hayat kebangkitan melalui kudrat daripada harta di dalam wadah tanah kita—Yoh. 14:21, 23; Roma 8:28-29; 2 Kor. 4:7-18; 12:7-9.

IV. Daud dan Salomo mentamsilkan Kristus dalam dua aspek untuk pembinaan Tuhan:

- A. Daud mentamsilkan Kristus dari inkarnasi-Nya serta kehidupan Tuhan-manusia dan penderitaan-Nya hingga kematian-Nya (dari palung hingga salib)—Mat. 12:3-4; 22:41-46.
- B. Salomo mentamsilkan Kristus dalam kebangkitan-Nya dalam kemuliaan sebagai Roh beri-hayat dalam kita (termasuk penabalan-Nya dan kedatangan kedua-Nya untuk memerintah kingdom-Nya di bumi) yang membicarakan kata-kata arif Tuhan untuk membina gereja sebagai bait Tuhan—12:42; 2 Taw. 1:10; 1 Kor. 1:24, 30; 12:8.
- C. Tuhan “bersaksi dengan berkata, Aku telah mendapat Daud anak Isai, seorang yang menurut hati-Ku yang akan melakukan segala kehendak-Ku” (Kis. 13:22); Daud “melayan generasinya sendiri melalui rencana Tuhan” (ay. 36); dia seorang yang menurut hati Tuhan (1 Sam. 13:14) kerana sebagaimana Salomo bersaksi, “Hati Daud bapaku berhasrat hendak membina rumah bagi nama Yehova Tuhan Israel” (1 Raj. 8:17-20; bd. Ef. 1:5, 9; 1 Kor. 12:12-27—lihat nota kaki 2 dalam ay. 13).
- D. Daud menderita sejak masa mudanya, tetapi menerusi penderitaan, dia menyediakan bahan-bahan, mendapatkan tapak yang wajar untuk membina bait, dan mempersiapkan Salomo, pembina itu, serta semua pembantu—1 Taw. 21:18-30; 2 Taw. 3:1; 1 Taw. 28:9-11, 20-21.

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Enam (sambungan)

- E. Daud menyediakan bahan yang amat banyak untuk pembinaan bait Tuhan mentamsilkan Kristus membekali pembinaan gereja Tuhan dengan kekayaan-Nya yang tidak terduga—18:7-11; 22:2-5, 14-16a; 28:2; 29:2-9; bd. Ef. 3:8-10.
- F. Daud membuat persediaan ketika dalam kesukaran (1 Taw. 22:1, 14), menghadapi cubaannya, dan dalam kemenangan perang; ini mentamsilkan Kristus menyediakan perbekalan yang kaya untuk pembinaan gereja Tuhan ketika Dia menghadapi cubaan dan berada dalam kemenangan dalam kehidupan-Nya yang berperang dengan Syaitan serta kuasa kegelapannya (Mat. 4:4, 7, 10).
- G. Bentuk asal bait yang diberikan kepada Daud ialah “bentuk asal berkenaan segala-gala yang diterimanya melalui Roh” (1 Taw. 28:12); “semua ini, kata Daud, telah dijelaskan-Nya melalui tulisan daripada tangan Yehova kepadaku, semua secara terperinci berkenaan bentuk asal itu” (ay. 19; bd. 2 Kor. 3:3); bait yang dibina oleh Salomo adalah menurut bentuk asal ini (1 Taw. 28:11).
- H. Daud mengatur dengan tertib pelayanan Israel kepada Tuhan, yang berkaitan dengan bait Tuhan (6:31-48; bab 23—26), mentamsilkan Roh itu mengatur dengan tertib pelayanan gereja dalam Wasiat Baru (1 Kor. 12:4-27) dan mentamsilkan bahawa sebagai Kepala Tubuh, Kristus telah menetapkan aturan dalam Tubuh-Nya untuk dipatuhi semua anggota-Nya (ay. 18; 14:40).
- I. Pelan biru gereja ialah Roh kebangkitan—Roh yang almuhit, beri-hayat, majmuk, huni secara dalaman; apabila kita hidup dalam Roh kebangkitan yang ada dalam roh kita, realiti Salomo membina bait menurut reka bentuk Daud (serta semua bahan daripada kehidupan Tuhan-manusia, kematian, dan kebangkitan Kristus) digenapkan dalam kita—Yoh. 2:19; Flp. 1:19; Ef. 1:17; 2:22; 3:5, 16; 4:23; 5:18; 6:18.
- J. Nama Salomo yang bermakna “damai”, bermaksud bahawa gereja dibina oleh Kristus sebagai “orang yang menikmati rehat” dalam damai sejahtera, tanpa sebarang bunyi—1 Taw. 22:9; Kis. 9:31; Ef. 4:29-32:
 - 1. Setiap batu yang digunakan untuk membina bait, dari segi prinsipnya, telah pun dipahat dan ditanggulangi di gunung-gunung; oleh itu, bunyi tukul, kapak, dan peralatan besi tidak kedengaran, dan bait dibina dengan senyap—1 Raj. 5:15-18; 6:7.
 - 2. Jika seseorang dikbang yang tidak ditanggulangi Tuan (yang bercakap tanpa henti, bukan seorang pendengar yang baik, dan dengan itu tidak diperbarui dalam minda) menjadi penatua, gereja akan dipenuhi bunyi tukul, kapak, dan peralatan besi; sesetengah “bunyi” mungkin ialah sesetengah pekudus saling bertikam lidah dengan berdoa untuk memansuhkan doa satu sama lain—bd. Yes. 50:4-5; Ef. 4:23.
 - 3. Dalam gereja, jika kita terdengar kritikan, penghakiman, pertengkaran, dan penentangan orang lain, kita harus beredar ke dalam Tempat Maha Kudus, iaitu berundur ke dalam dan berpaling kepada roh kita; bait dibina dalam keadaan yang senyap—Gal. 6:17-18; Yes. 30:15a.
 - 4. Selepas Tabut beroleh rehat, orang yang dilantik Daud dalam pelayanan nyanjian di rumah Yehova melayan di hadapan Khemah Pertemuan dengan nyanjian sehinggalah Salomo membina rumah Yehova di Yerusalem—1 Taw. 6:31-32.
- K. Kita “huni, kerja, dengan Raja”, menikmati Dia sebagai Kristus yang tersalib dan bangkit untuk membina diri-Nya ke dalam kita agar kita disempurnakan menjadi tiang dalam gereja yang merupakan rumah Tuhan—*Kidung Inggeris*, #904; 1 Taw. 4:23; 1 Raj. 7:17, 21; Wahi 3:12.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Enam (sambungan)

- L. Dengan menikmati Kristus almuhit sebagai kudrat kebangkitan dan Roh Tuhan Tritunggal terproses yang bangkit dan beri-hayat (Salomo yang sejati dan lebih agung), kita dapat berbahagian dalam persekutuan penderitaan Kristus serta kehidupan Tuhan-manusia-Nya sebagai seorang pendoa agar dikonform kepada kematian-Nya (sebagai Daud yang sejati dan lebih agung) demi Tubuh-Nya (bait yang sejati dan lebih agung)—Flp. 3:10; Roma 8:11; Mat. 12:3-4, 42; Yoh. 2:19-22; 2 Kor. 6:16.
- V. Fikiran dan jalan Tuhan untuk membina gereja sebagai bait Tuhan yang hidup adalah lebih tinggi daripada fikiran dan jalan kita; kita perlu menyangkal jalan dan fikiran kita dan kembali kepada Yehova Tuhan kita untuk mengambil jalan menikmati Dia dalam gereja sebagai bait bagi Tuhan yang hidup—Kej. 2:9; Yoh. 6:35, 57, 63; Yes. 55:6-13; 57:20; Yoh. 1:14; 2:19; 3:34; 17:17; Ef. 5:26; 2 Kor. 3:15-18; 6:16; Roma 8:28-29; Wahi 22:1-2:**
- A. Sebagai anak-anak Tuhan, kita perlu mengubah konsep kita dan menyedari bahawa Tuhan berhasrat untuk memberi diri-Nya kepada kita untuk kita nikmati—Mzm. 36:8-9; 16:11; 19:8; 27:6; 42:4-5; 48:2; 63:7; 66:1-2; 81:1; 89:15-18; 95:1-2; 100:1-2; 126:1-6; Neh. 8:10; 1 Yoh. 1:3-4:
1. Menghasilkan buah adalah menikmati Tuhan—Yoh. 15:7-11.
 2. Berdoa adalah menikmati Tuhan—Rat. 3:55-56; *Kidung*, #210.
 3. Meministerkan sabda adalah menikmati Tuhan—Yoh. 6:57, 63; 7:37-39; 1 Kor. 15:10; 2 Kor. 3:1-6, 18; 2:17; 13:3; Ef. 3:2; 1 Ptr. 4:10-11; Yer. 15:16; Yeh. 3:1-4; Yes. 55:8-11.
 4. Memberitakan injil adalah menikmati Tuhan—Yoh. 4:10, 13-14, 31-34.
 5. Menerima pimpinan-Nya adalah menikmati Tuhan—Kel. 33:14.
- B. Rahsia menjalani kehidupan orang Kristian agar kita dapat menjadi pejayeng ialah kita mengambil jalan menikmati Tuhan sebagai pohon hayat; Tuhan tidak bermaksud kita melakukan apa-apa untuk-Nya; Dia hanya berhasrat untuk memberi diri-Nya sebagai makanan kepada kita untuk kita nikmati—Kej. 2:9; Wahi 2:7.
- C. Kita mengecap dan melihat bahawa Yehova itu baik (Mzm. 34:8) dalam rumah Tuhan, bait Tuhan, yakni dalam Kristus (Yoh. 2:19-22), dalam gereja (1 Tim. 3:15; 1 Kor. 3:16-17; 2 Kor. 6:16), dalam roh kita (Ef. 2:22), dan akhirnya dalam Yerusalem Baru (Wahi 21:22).
- D. Kita harus mengasihi bait kediaman Tuhan, dan tempat bagi kemuliaan-Nya tinggal, menetap, dan dimanifestasikan—Mzm. 26:8; 84:1; 29:9b; Ef. 3:20-21a.
- E. “Seperkara yang telah aku mohon daripada Yehova; / Itulah yang pasti aku cari, / Yakni mendiami rumah Yehova / Seumur hidupku, / Untuk menatap keindahan Yehova, / Dan memohon dalam bait-Nya” (Mzm. 27:4); rumah Yehova ialah inkorporasi divin-insani yang diperbesar dan universal untuk manifestasi, kepuasan, dan rehat Bapa (Yoh. 14:2, 20, 23).
- F. Dalam Kristus, dalam gereja, dan dalam roh, kita menikmati “Tuhan yang menetap” sebagai lemak di rumah-Nya untuk menepui kita, sebagai sungai kegirangan-Nya untuk menghilangkan dahaga kita, dan sebagai sumber hayat dan cahaya untuk memberi kita makan serta mencahayai kita—Mzm. 36:8-9.
- G. “Aku akan pergi ke mazbah Tuhan, / Kepada Tuhan kerianganku yang amat besar; / Aku akan memuji-Mu dengan harp, / O Tuhan, Tuhanku”—43:4.
- H. Di rumah Tuhan, bait Tuhan, kita menikmati penyelamatan wajah Tuhan, hadirat Tuhan (42:5), supaya Dia dapat menjadi penyelamatan wajah kita (ay. 11).

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Enam (sambungan)

- VI. “Berberkatlah orang yang tinggal di rumah-Mu; / Mereka tetap akan memuji-Mu. Sela / Berberkatlah orang yang kekuatannya ada dalam Engkau, / Yang dalam hatinya terdapat jalan raya yang menuju ke Zion”—84:4-5:**
- A. “Aku akan memuji nama-Mu buat selama-lamanya”—145:2b.
 - B. “Aku akan memuji Yehova selagi aku hidup; / Aku akan bermazmur kepada Tuhanku selagi aku ada”—146:2.
 - C. “Engkau adalah kudus, Engkau yang duduk bertakhta / Di atas puji-pujian Israel”—22:3.
 - D. “Oleh itu, menerusi-Nya marilah kita sentiasa mempersembahkan korban pujian kepada Tuhan, iaitu buah daripada bibir yang mengakui nama-Nya”—Ibr. 13:15; Flp. 2:11.